

25/06/1999

Kelewatan projek bantut pemulihan

Wan Sabariah Shikh Ali

KERAJAAN perlu merapatkan jurang antara pentadbiran Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa daerah jika mahu ekonomi berkembang pada kadar melebihi satu peratus, seperti yang diunjurkan bagi tahun ini.

Ahli ekonomi di firma sekuriti KAF-Seagroatt and Campbell, Anthony Dass, berkata kelewatan pelaksanaan projek pembangunan awam disebabkan jurang masa antara ketiga-tiga elemen penting itu, boleh melambatkan pengaliran wang ke dalam sistem ekonomi dan seterusnya membantutkan usaha pemulihan.

Katanya, perbelanjaan awam iaitu penggunaan dan pelaburan oleh sektor awam adalah peneraju utama pertumbuhan mengikut strategi pemulihan ekonomi negara.

"Jika projek awam, seperti jalan raya, lambat dilaksanakan kerana masa yang panjang dihabiskan di ketiga-tiga peringkat untuk kelulusan dan sebagainya, wang peruntukan tidak dapat dibelanjakan.

"Seterusnya wang tidak mengalir kepada pembekal, peniaga dan pengguna, menyebabkan kegiatan ekonomi tidak bergerak," katanya.

Dass berkata, kebimbangan itulah yang menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, membuat arahan supaya peruntukan perbelanjaan pembangunan dibelanjakan mengikut jadual, baru-baru ini.

Beliau berkata, 1999 adalah satu ujian kepada usaha pemulihan Malaysia dan mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan pada tahun ini mencapai 1.3 peratus.

"Walaupun banyak pihak mengunjurkan kadar lebih tinggi, saya rasa pertumbuhan lebih besar hanya akan dicatatkan pada tahun 2000, jika masalah jurang masa tidak diatasi," katanya.

Ini kerana, katanya, kegiatan pelaburan dan perbelanjaan sektor swasta masih perlahan dan dijangka meningkat secara berterusan pada suku keempat tahun ini.

Dalam laporan penyelidikannya mengenai perkembangan ekonomi sebelum ini, Dass membuat unjuran pertumbuhan KDNK bagi suku pertama pada -1.4 peratus. Angka Bank Negara semalam menyebut KDNK menguncup pada 1.3 peratus.

Katanya, faktor lain yang akan menyebabkan hasil langkah rangsangan ekonomi lambat dapat dilihat ialah pelaburan swasta.

Menurut Dass, walaupun kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) tahun ini terus mencatat kenaikan, persoalannya ialah sama ada syarikat berkenaan akan membelanjakan wang pada tahun ini atau tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia dijangka terus menikmati pertumbuhan eksport terutama dengan peningkatan permintaan barangan elektronik dan elektrik dunia.

Bagi tempoh suku pertama tahun ini, sektor pembuatan iaitu sumber eksport utama negara, meningkat 4.6 peratus pada Februari dan Mac, menebus sebahagian daripada kemerosotan pada bulan Januari.

(END)